


Latar Belakang

Universiti Teknologi MARA (UiTM) merupakan sebuah institusi pendidikan tinggi awam (IPTA) terbesar dan mempunyai lebih daripada 70 jabatan, bahagian, fakulti, pusat kecemerlangan, pusat penyelidikan dan cawangan di seluruh negara. Setiap entiti ini mempunyai perancangan peruntukan dan perolehan mereka sendiri berdasarkan keutamaan-keutamaan yang telah digariskan.

Peningkatan bilangan dan nilai perolehan serta keperluan untuk menguatkuasakan pemantauan peraturan perolehan secara telus, mantap dan cepat, maka UiTM mengambil langkah untuk menggunakan kaedah perolehan secara elektronik. Dengan itu semua aktiviti perolehan elektronik yang dilakukan oleh setiap entiti boleh dipantau secara berpusat.



Sistem Perolehan Elektronik Financial Electronic Procurement System FineProcurement Plus

Dengan adanya perolehan secara elektronik, beberapa masalah utama yang dihadapi dapat diselesaikan dengan:

- **Menyeragamkan harga** yang munasabah bagi perolehan secara pembelian terus.
- **Menyelesaikan masalah-masalah perolehan** yang dihadapi semasa perolehan dilaksanakan **secara manual**.
- Hubungan dengan petender/vendor/pembekal dapat dipelbagaikan melalui **medium hebahan** seperti sms, emel, bersurat dan seumpamanya
- **Pengiklanan, jemputan dan hubungan** dengan petender/pembekal/vendor dapat **diseragamkan dan dipantau**.
- **Pembentukan Jawatankuasa** Penyedia Spesifikasi Teknikal dan Jawatankuasa Penilai dapat **diseragamkan dan dipantau**.
- **Penguatkuasaan parameter** seperti bilangan petender, bilangan hari dan seumpamanya dapat dilakukan secara berpusat
- **Repositori spesifikasi** yang dirujuk oleh PTJ
- Pemantauan dokumen spesifikasi cadangan petender/vendor/pembekal dapat dilakukan dengan mudah
- **Pemantauan secara berpusat** aktiviti perolehan PTJ
- Memudahkan juruaudit mengaudit aktiviti perolehan

Fakta Ringkas

Sistem FineProcurement Plus

TENAGA KERJA

4 Orang (1 PTM, 3 PPTM)

INFORMASI ePPLUS

21 Modul Utama
157 Sub Modul PTJ
49 Sub Modul Vendor
28 Kampus (Implementasi)
2415 Digital Certificate (PKI)
11,833 Vendor berdaftar di EPPlus

INFRASTRUKTUR ePPLUS



- Aplikasi: **Java**
- Pangkalan Data: **Informix**

Objektif, Modul,
Proses dan Teknologi



OBJEKTIF

- Memudah cara **keseluruhan proses perolehan** melalui perolehan secara elektronik di FineProcurement Plus
- Memastikan **semua aktiviti perolehan elektronik** yang dilakukan oleh setiap entiti boleh **dipantau secara berpusat**.
- Membantu perancangan dan pelaksanaan perolehan **berdasarkan maklumat sedia ada dengan cekap pada kos yang paling menguntungkan**.



MODUL

Terdapat dua modul utama dalam FineProcurement Plus iaitu:

1. Modul Pengurusan Vendor

- Modul Pengurusan Vendor ini adalah dikhususkan kepada para **vendor untuk mendaftar syarikat** dengan UiTM dan membolehkan mereka **menyertai perolehan** di dalam UiTM ini.
- Vendor mahupun orang awam boleh menggunakan sistem ini **24 jam, 7 hari seminggu**. Segala tawaran, proses notis penghantaran (DO) dan inbois dilakukan melalui sistem oleh vendor.


2. Modul Perolehan- FineProcurement Plus

- Modul-modul dalam FineProcurement Plus melibatkan **21 proses utama** seperti:
 - Pengurusan Vendor
 - Pengurusan Item
 - Pengurusan Jawatankuasa
 - Pengurusan Spesifikasi Item
 - Perancangan Perolehan
 - Permohonan Belian
 - Penentuan Kaedah Perolehan
 - Pelawaan
 - Tawaran Vendor
 - Penilaian
 - Pengurusan Mesyuarat
 - Pelarasan PB
 - Penawaran
 - Pengurusan Kontrak
 - Arahan Perubahan Kontrak
 - Pesanan Tempatan
 - Notis Penghantaran
 - Pengesahan Bekalan (GRN)
 - Baucar Bayaran
 - Pemantauan.
- Kesemua proses ini **melibatkan Pusat Tanggungjawab (PTJ), Ahli Jawatankuasa Lembaga Mesyuarat, Vendor** serta **Unit Kewangan Zon**.

PROSES

FineProcurement Plus melaksanakan semua jenis perolehan di UiTM iaitu **Pembelian Terus, Sebutharga B, Sebutharga Rasmi, Tender, Kerja Undi, Kontrak Pusat** dan **eBidding** secara dalam talian.

Berikut merupakan keseluruhan proses perolehan secara elektronik:



TEKNOLOGI

- FineProcurement Plus adalah **aplikasi berasaskan web** yang mana ianya menggunakan internet sebagai kaedah capaian kepada pembekal.
- Setiap transaksi yang dilaksanakan akan mempunyai **implikasi kewangan**, maka tahap keselamatan sistem ini adalah amat kritikal.
- **Public Key Infrastructure (PKI)** dijadikan asas bagi mewujudkan persekitaran maya yang selamat dan dilindungi oleh undang-undang.
- Melalui prasarana ini, UiTM dapat mewujudkan kebolehpercayaan dalam persekitaran digital untuk menangani isu-isu keselamatan maklumat iaitu kesahihan (*authentication*), integriti (*integrity*), kerahsiaan (*confidentiality*) dan tidak boleh sangkalan (*non-repudiation*).



Untuk maklumat lanjut, sila hubungi pegawai berikut:

- Jabatan Pengurusan Perolehan & Aset, UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia
- Tel. : 03- 5544 3399
- Faks : 03- 5544 3321
- admin.epplus@uitm.edu.my
- <https://myfinancial.uitm.edu.my/>

Sila imbas QR Code untuk mendapatkan maklumat terkini mengenai Jabatan Infostruktur



Pejabat Pembangunan Infrastruktur dan Infostruktur